

TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS KONVENTSEN
OGOS 2007
PATRIOTISME MAHASISWA UTeM 2007

UCAPAN Y.BHAG. NAIB CANSELOR

AKADEMIKALAHIAH, YBRT. HJ. TS. DAI SALAM
SEJANTERA

Y.BHAG. DR. DATO' PROF. DR. MOHD HISHAMUDDIN

DOKTOR HILIR, JENAZAH DAN ALAMAH

TEMPAT:

MITC

AYER KEROH, MELAKA

REDAKSIAN, PUBLIKASI KEMENTERIAN
THGDI MALAYSIA

Y.BHAG. PROF. DR. ABDULLAH ABDULAH
TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK)

TARAFUA DAYA LI MENGALAMI SITIA MENGUTARAKAN

KONSEP KONSEP NEUROLOGI ALLAHU AKHTAR KEDUA

MELAKA (KONSEP KONSEP NEUROLOGI KONSEP KONSEP

NEUROLOGI KONSEP KONSEP NEUROLOGI KONSEP KONSEP

TEKS UCAPAN Y.BHG NAIB CANSELOR SEMPENA
KONVENTSYEN PATRIOTISME MAHASISWA UTeM
2007, BERTEMPAT DI MITC, AYER KEROH, PADA 18
OGOS 2007.

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR ABU BAKAR BIN
MOHAMAD DIAH
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN &
INOVASI)

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM
ASSALAMUALAIKUM WRT. WBKTH. DAN SALAM
SEJAHTERA

Y.BHG. DATO'PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

Y.B. DATO' DR. ADHAM BIN BABA
SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PENGAJIAN
TINGGI MALAYSIA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,
SETERUSNYA PARA PELAJAR YANG SAYA HORMATI
SEKALIAN,

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH
TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &
ANTARABANGSA)

TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA MENGUCAPKAN
RASA SYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA
TELAH MEMBERI KEIZINAN KEPADA KITA UNTUK
BERHIMPUN PADA HARI INI BAGI MENJAYAKAN
MAJLIS KONVENTSYEN PATRIOTISME MAHASISWA

UTeM 2007. SEMOGA MAJLIS YANG DIADAKANINI
MENDAPAT KEBERKATAN DARIPADA ALLAH SWT
JUA.

PEMBENTANGAN DAN UCAPAN YANG
BERKISARKAN KEMERDEKAAN, JATI DIRI,
INTERGRITI DAN KEMAJUAN YANG DICAPAI OLEH
RAKYAT DAN NEGARA MALAYSIA.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK
MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA YB
DATO' DR ADHAM BIN BABA, SETIAUSAHA
PARLIMEN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
KERANA HADIR PADA MAJLIS INI DAN SETERUSNYA
MENYEMPURNAKAN MAJLIS PERASMIAH PENUTUP
PROGRAM.

PENCERAMAH-PENCERAMAH YANG HADIR ADALAH
TERDIRI DARI TOKOH-TOKOH TERNAMA YANG
TERDIRI DARI ORANG POLITIK, BADAN NGO, BELIA
DAN WAKIL DARI KEMENTERIAN PENGAJIAN
TINGGI. SAYA YAKIN MEREKA TELAH
MENYAMPAIKAN CERAMAH DAN PENDAPAT
DENGAN PENUH SEMANGAT.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN

MAJLIS KONVENTSYEN INI DIANJURKAN OLEH UTeM
PADA SETIAP TAHUN. TUJUANNYA IALAH UNTUK
MEMBANGKITKAN PERASAAN SAYANG DAN
CINTAKAN TANAH AIR. OLEH SEBAB ITULAH
PENGISIAN BAGI KONVENTSYEN INI DIISI DENGAN

AKTIVITI SEPERTIINI AMAT PERLU DIADAKAN
DALAM USAHA KITA UNTUK MEMBANGKITKAN
KESEDARAN DAN SEMANGAT PATRIOTIK
MAHASISWA KEPADA NEGARA. SEMALAM, 17 OGOS

2007 KITA JUGA MELANCARKAN PROGRAM YANG SAMA PADA PERINGKAT UNIVERSITI IAITU KEMPEN KIBARKAN JALUR GEMILANG SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN UNTUK MENYAMBUT ULANG TAHUN KEMERDEKAAN NEGARA YANG KE 50 PADA 31 OGOS INI.

PADA BULAN OGOS INI, PELBAGAI AKTIVITI DIADAKAN TIDAK SAHAJA DI UNIVERSITI TETAPI JUGA PADA PERINGKAT SEKOLAH, JABATAN DAN PERTUBUHAN BAGI MENYEMARAKKAN SEMANGAT MENYAMBUT ULANG TAHUN KEMERDEKAAN NEGARA DALAM PELBAGAI CARA.

INI TERMASUKLAH MENAIKKAN SEMANGAT KECINTAAN KEPADA NEGARA MELALUI IKLAN-IKLAN BERKAITAN KEMERDEKAAN DI SURAT KHABAR DAN TELEVISYEN, PENULISAN ARTIKEL DI DADA AKHBAR, LARIAN MERDEKA, DEKLIMASI DAN SEBAGAINYA.

KEMUNCAK PADA AKTIVITI INI IALAH SAMBUTAN DI SELURUH NEGARA PADA MALAM AMBANG KEMERDEKAAN 31 OGOS. WARGA UNIVERSITI DAN SELURUH WARGANEGARA BERHIMPUN UNTUK MENYAKSIKAN ACARA-ACARA KEBUDAYAAN DAN PERSEMPAHAN SEMENTARA MENANTI DETIK TEPAT 12 MALAM, YANG KEMUDIANNYA DIIKUTI DENGAN LAUNGAN MERDEKA, PERTUNJUKAN BUNGA API DAN NYANYIAN LAGU KEBANGSAAN.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN

KITA PERLU SEDAR BAHAWA SEMANGAT PATRIOTISME AMAT PENTING DISEMAI PADA SETIAP JIWA RAKYAT MALAYSIA, TERUTAMANYA DI KALANGAN MAHASISWA UNIVERSITI. SEMUA KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH NEGARA HARI INI ADALAH BERKAITAN DENGAN SEMANGAT PATRIOTISME KEPADA NEGARA YANG ADA DI HATI KITA.

GENERASI TERDAHULU MENUNTUT KEMERDEKAAN ADALAH KERANA SEMANGAT UNTUK MEMBEBASKAN NEGARA DARI BELENGU PENJAJAHAN. IA DIDORONG OLEH SEMANGAT PATRIOTISME UNTUK MELIHAT KEDAULATAN NEGARAINI DIKEMBALIKAN DAN SETERUSNYA MENJADIKAN RAKYAT MALAYSIA SEBAGAI RAKYA YANG BERMARUAH.

PEMIMPIN-PEMIMPIN NEGARA MENYATAKAN SEMANGAT PATRIOTISME MEREKA DENGAN BERUSAHA GIGIH MEMBANGUNKAN EKONOMI NEGARA DI SAMPING MEMASTIKAN POLITIK NEGARA BERADA DALAM KEADAAN STABIL. PEMUAFAKATAN ANTARA KAUM DIBENTUK SUPAYA KITA DAPAT HIDUP DALAM SUASANA AMAN DAN DAMAI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN

HARI INI, RAKYAT MALAYSIA TELAH BERJAYA MENCIPTA DAN MEREKODKAN BANYAK KEJAYAAN DALAM PELBAGAI BIDANG IAITU ANTARANYA MENAWAN PUNCAK GUNUNG EVEREST, BELAYAR SECARA SOLO MENGELILINGI DUNIA, PENERJUNAN DI KUTUB UTARA DAN SEBAGAINYA.

SEMUAINI DILAKUKAN KERANA KEINGINAN RAKYAT MALAYSIA UNTUK MENGHARUMKAN NAMA NEGARA. KEINGINANINI SEBENARNYA ADALAH DIDORONG OLEH SEMANGAT PATRIOTISME UNTUK MELIHAT NEGARA MALAYSIA DISEGANI DAN DIHORMATI PADA PERINGKAT ANTARABANGSA.

APABILA KITA MEMPUNYAI SEMANGAT PATRIOTISME, KITA AKAN MELAKUKAN APA SAHAJA SAMA ADA BERKORBAN NYAWA, HARTA DAN MASA DEMI NEGARA. SEORANG AHLI SUKAN YANG DIDORONG DENGAN SEMANGAT PATRIOTISME YANG TINGGI AKAN BERUSAHA BERSUNGGUH-

SUNGGUH UNTUK MENJADI JUARA KERANA NEGARA. BEGITU JUGA SEORANG TENTERA AKAN MEMPERTAHANKAN NEGARA DENGAN BERKORBAN NYAWA.

MANAKALA SEORANG PELAJAR AKAN BELAJAR BERSUNGGUH-SUNGGUH BAGI MENCAPAI KEPUTUSAN YANG BAIK SAMA ADA DALAM BIDANG AKADEMIK MAHUPUN KOKURIKULUM. SEMUANYA INI ADALAH KERANA DORONGAN UNTUK MELIHAT MALAYSIA YANG KITA CINTAIINI MENCAPAI KEJAYAAN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

WALAUPUN BEGITU, SEJAK AKHIR-AKHIRINI TERDAPAT GENERASI MUDA YANG TELAH MELUPAKAN SEMANGAT PATRIOTISME KEPADA NEGARA. CONTOH YANG MUDAH, ADA DI

KALANGAN KITA TIDAK BERDIRI SEMASA NYANYIAN NEGARAKU DIMAINKAN. VANDALISME DENGAN MEROSAKKAN KEMUDAHAN AWAM, MEMBAYANGKAN BAHAWA MEREKA TIDAK MENGHORMATI HAK AWAM YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN.

BUDAYA BARAT TELAH MENJADI IKUTAN DAN KERUNTUHAN MORAL SEMAKIN MENINGKAT. MEREKAINI TIDAK MEMPUNYAI SEMANGAT PATRIOTISME, KERANA RAKYAT YANG MEMPUNYAI SEMANGAT PATRIOTISME ADALAH RAKYAT YANG BERGUNA DAN MENJAGA MARUAH NEGARA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN

OLEH ITU SAYA AMAT BERHARAP KONVENTSYENINI TELAH BENAR-BENAR MEMBERI KEFAHAMAN KEPADA MAHASISWA UNTUK MENGUTAMAKAN

KEPENTINGAN NEGARA DENGAN MELETAKKAN SEMANGAT PATRIOTISME PADA TAHAP YANG TINGGI.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WAL HIDAYAH WSM
WBT.

MALAYSIA TIDAK BOLEH TERBINA TANPA ADA PENGORBANAN, RASA SYUKUR DAN PERASAAN BERTERIMA KASIH KEPADA NEGARA KERANA DAPAT HIDUP DALAM SUASANA YANG AMAN DAN HARMONI. SEMUA YANG KITA NIKMATIINI ADALAH KERANA SEMANGAT PATRIOTISME YANG TELAH MEMBOLEHKAN KITA MAJU DAN DIHORMATI DUNIA.

AKHIR KATA SAYA MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK MENGUCAPKAN BERBANYAK TERIMA KASIH KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT MENJAYAKAN KONVENTSYEN INI DAN SEMOGA IA MENCAPAI OBJEKTIFNYA.